

06 MAY 2001

Mahathir-Syarikat (Bergambar)

SYARIKAT MALAYSIA KINI LEBIH BERANI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Syarikat-syarikat Malaysia kini lebih berani membeli dan membawa balik teknologi syarikat negara asing ke negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya pendekatan yang digunakan oleh syarikat-syarikat Malaysia itu adalah baik untuk memajukan ekonomi negara berbanding Pelaburan Langsung Asing yang tidak membayar cukai.

"Banyak syarikat asing di Australia, Amerika Syarikat dan Britain telah dibeli oleh syarikat Malaysia. Mereka membawa teknologi ke Malaysia dan berjaya mengeluarkan barangan seperti kren untuk dieksport," katanya pada pemberita selepas merasmikan pameran "Dinosaurs Alive" di sini.

Syarikat-syarikat seperti Laura Ashley dan Lotus katanya, kurang maju sebelum dibeli oleh syarikat Malaysia tetapi kini semakin maju apabila diuruskan oleh rakyat negara ini.

Beliau berkata kerajaan bersedia untuk memberikan pelbagai insentif kepada syarikat Malaysia yang mahu memulakan perusahaan di dalam negara hasil pengambilalihan syarikat asing itu.

Ditanya tentang jangka masa yang diambil oleh rakyat Malaysia untuk menguasai teknologi yang diperolehi dari negara asing itu, Dr Mahathir berkata, rakyat boleh menguasainya dengan cepat.

"Dalam jangka masa yang pendek rakyat Malaysia boleh belajar dengan cepat sekali satu teknologi yang baru dan dibawa ke sini. Mereka kuasai dalam jangka masa yang pendek sebab itu kita boleh buat kereta, kapal terbang, motosikal, kren termasuk kren untuk kontena.

"Kita boleh buat sendiri dan eksport dalam jangka masa pendek," kata Perdana Menteri.

Beliau juga ditanya mengenai usaha penganjur pameran "Dinosaurs Alive" iaitu Technology MAE Sdn Bhd, anak syarikat MAE Engineering Limited yang membeli kesemua aset Dinamation USA, pencipta pameran itu.

Mengenai pameran itu, Dr Mahathir berkata dinosaur yang dipamerkan sangat realistik dan amat berguna untuk mendidik kanak-kanak tentang spesies haiwan yang suatu masa dahulu menguasai dunia ini.

Terdapat 40 dinosaur mekanikal daripada 18 spesies dalam pameran itu yang diadakan di Pusat Membeli-belah Summit USJ.

Tiket untuk kanak-kanak berharga RM8 manakala dewasa RM12.

-- BERNAMA

MHI HS LAT